RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh : 29/09/2026

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai insurans hayat anda.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

1 Apakah HIRE PURCHASE SMART SHIELD PLUS? (Ini adalah produk insurans)

HIRE PURCHASE SMART SHIELD PLUS adalah pelan insurans tanpa penyertaan yang menawarkan perlindungan selama 5 tahun untuk Hayat yang Diinsuranskan yang memperoleh pinjaman dengan Pemilik Polisi dan memerlukan perlindungan daripada kejadian luar jangka untuk membayar balik apa-apa pinjaman yang belum jelas. Pelan ini membayar Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan secara sekali gus jika Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh perlindungan insurans Hayat yang Diinsuranskan di bawah polisi ini. Tambahan sebanyak 100.00% Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan akan dibayar atas Kematian akibat Kemalangan atau HUMK akibat Kemalangan.

Manfaat yang dilindungi akan berkurang sepanjang tempoh perlindungan insurans Hayat yang Diinsuranskan di bawah polisi ini.

Pelan ini tidak menyertai dalam pengagihan keuntungan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. ("Syarikat").

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai contoh, untuk RM 2,415.00, anda akan menerima perlindungan insurans hayat berikut.	
Kematian	**Jumlah Diinsuranskan Asal RM 100,000.00 yang akan berkurang sepanjang tempoh perlindungan ("Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan").** **Jika Kematian berlaku akibat bukan kemalangan dalam tempoh 12 bulan pertama daripada Tarikh Kuatkuasa Insurans, hanya jumlah premium yang dibayar akan dipulangkan.**
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	**Jumlah Diinsuranskan Asal RM 100,000.00 yang akan berkurang sepanjang tempoh perlindungan ("Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan").** **Jika HUMK berlaku akibat bukan kemalangan dalam tempoh 12 bulan pertama daripada Tarikh Kuatkuasa Insurans, hanya jumlah premium yang dibayar akan dipulangkan.**
Kematian akibat Kemalangan	**Tambahan 100% Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan, yang mana Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan adalah berdasarkan Jumlah Diinsuranskan yang Asal RM 100,000.00 yang akan berkurang sepanjang tempoh perlindungan.**
HUMK akibat Kemalangan	**Tambahan 100% Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan, yang mana Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan adalah berdasarkan Jumlah Diinsuranskan yang Asal RM 100,000.00 yang akan berkurang sepanjang tempoh perlindungan.**

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri dalam tempoh **1** tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Insurans.
- Keadaan sedia ada yang telah anda alami, atau mempunyai tanda-tandanya wujud, sebelum membeli pelan (e.g. keadaan perubatan).

Catatan: Senarai ini adalah **tidak lengkap.** Anda mesti merujuk kepada Sijil Insurans dan Polisi Induk untuk senarai lengkap pengecualian.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan maklumat tambahan bagi insurans hayat anda, anda boleh:

Hubungi kami di:
03-2603 3999

E-mel kami di:
customercare@tokiomarinelife.com.my

Tokio Marine
Life Insurance Malaysia Bhd.

tokiomarine.com
Life & Health | Property & Casualty

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium Tunggal	***RM 2,415.00***
Tempoh Perlindungan Polisi:	***5 tahun***
Tempoh Bayaran Premium: ***Ini merupakan produk premium tunggal.***	
Anda juga harus membayar fi dan caj berikut:	
Komisen	***10% daripada premium atau RM 241.50, yang merupakan sebahagian daripada premium tunggal.***
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	***RM 0.00***

4 Terma - terma yang Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Pemberitahuan Tuntutan - Pemberitahuan secara bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kematian atau HUMK. Sila rujuk laman web korporat kami untuk memahami prosedur tuntutan.

Catatan: Senarai ini adalah **tidak lengkap.** Sila rujuk kepada Sijil Insurans dan Polisi Induk untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

? Bolehkah anda membatalkan polisi anda?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan pemberitahuan bertulis kepada kami.

• **Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan Sijil Insurans kepada Pemilik Polisi dalam tempoh 15 hari selepas Sijil Insurans anda telah dihantar kepada anda. Setelah pembatalan polisi, Premium Tunggal yang telah dibayar (tolak apa-apa fi perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik.

• **Selepas Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis kepada Pemilik Polisi. Setelah pembatalan polisi, kami akan mengembalikan Nilai Serahan kepada anda, kurang daripada sebarang hutang.

MAKLUMAT PENTING:

ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INSURANS DAN POLISI INDUK DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil insurans yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.